

◆10 Januari 2008

KHIDMAT pesanan ringkas atau SMS kini digunakan secara berleluasa bagi menyampaikan maklumat atau bertanyakan khabar berita. Dengan jumlah pelanggan telefon bimbit pada masa ini lebih 22 juta orang, SMS menjadi alat komunikasi berkesan bagi menyalurkan apa juga maklumat secara cepat.

Namun begitu, sejak kebelakangan ini, SMS bukan saja digunakan sebagai media komunikasi sebagaimana lazimnya, malah IA turut dijadikan medan untuk menyebarkan pelbagai bentuk sebaran yang negatif, seperti penipuan, perakuan bertujuan menipu, perhimpunan demonstrasi Dan khabar angin.

Gejala tidak sihat ini menambahkan lagi jumlah penggunaan SMS bagi menggantikan surat layang yang popular suatu ketika dulu.

Menurut laporan suku tahun ketiga oleh Suruhanjaya Komunikasi Dan Multimedia Malaysia (SKMM), rakyat Malaysia menghantar SMS sebanyak 39.8 bilion dalam tempoh bulan Januari hingga Oktober 2007.

Jika caj bagi setiap SMS itu sebanyak 10 sen, maka ini bermakna mereka berbelanja sebanyak RM3.9 bilion dalam tempoh itu atau dijangkakan berbelanja RM5.6 bilion sehingga akhir 2007.

Ia menunjukkan rakyat Malaysia bersedia untuk berbelanja sejumlah Wang yang banyak bagi memenuhi kehendak mereka walaupun Wang sebanyak itu sewajarnya digunakan untuk banyak lagi perkara lain yang berfaedah Dan lebih utama.

Dengan kos hidup kian meningkat, seiring dengan peningkatan kos pendidikan, perubatan, barang makanan Dan sebagainya, Wang sebanyak itu sudah tentu dapat mengurangkan bebanan kewangan yang perlu ditanggung oleh pengguna.

Pengguna pada masa ini tidak sedar bahawa Wang mereka banyak dibelanjakan untuk hal yang bukannya menjadi keutamaan. Apatah lagi dengan jumlah pengguna pelanggan prabayar seramai 18.3 juta pengguna dalam suku tahun ketiga 2007.

Mereka ini tidak sedar bahawa kredit habis dengan cepatnya kerana penggunaan SMS yang tidak terkawal. Pengguna tegar dengan penggunaan SMS ini tidak sewajarnya merungut jika dibebani kos hidup yang kian meningkat kerana mereka sendiri gagal mengawal perbelanjaan kewangan dengan baik.

Sewajarnya pada 2008 ini, mereka mengurangkan penggunaan SMS yang kurang berfaedah. Sebaliknya Wang itu digunakan untuk menampung perbelanjaan barang keperluan atau menyimpan lebihan Wang untuk kegunaan masa depan.

DATUK MARIMUTHU NADASON, ◆ Presiden Gabungan Persatuan-Persatuan Pengguna Malaysia (Fomca).◆Surat dan e-emel◆